**AKHBAR : BH AHAD**
**MUKA SURAT : 4**
**RUANGAN : NASIONAL**

Isu kain seragam jururawat

# KKM belum terima keputusan analisis sampel




*Dr Dzulkefly melawat reruai pameran selepas merasmikan ANMS dan MADANI Afiat Peringkat Wilayah Sarawak 2024, di Kuching, semalam.*
(Foto BERNAMA)

**Kuching:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) belum menerima keputusan analisis sampel kain pakaian seragam jururawat yang didakwa tidak mematuhi spesifikasi dan dikatakan menyamai kain kafan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata siasatan terperinci masih dijalankan Jabatan Kimia serta Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM).

Katanya, beliau akan membentangkan hasil analisis kepada pengurusan tertinggi KKM sejurus menerima maklumat lengkap mengenainya.

"Saya yakin mereka (Jabatan Kimia dan SIRIM) akan beri dapatan dalam masa terdekat. Jangan bimbang, apabila sudah ada dapatan analisis itu, saya akan membuat hebahan menerusi kenyataan akhbar atau sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Perasmian Program Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) dan MADANI Afiat Peringkat Wilayah Sarawak 2024, di sini semalam.

Beliau mengulas laporan media mengenai siasatan KKM terhadap aduan jururawat mengenai kualiti kain kurang baik yang dibekalkan sebuah syarikat untuk pakai seragam jururawat melalui perolehan bernilai lebih RM98.3 juta.

KKM turut menjelaskan, sekiranya bekalan pakaian seragam, iaitu kain yang diterima didapati tidak mematuhi spesifikasi, syarikat terbabit boleh dikenakan tindakan selaras kontrak sedang berkuat kuasa.

Pada 23 Oktober lalu, *BH* melaporkan Kesatuan Jururawat Malaya (MNU) mengakui menerima maklum balas mengenai kain yang dibekalkan untuk pakaian seragam jururawat sedikit keras serta tidak selesa dipakai ketika bekerja.

Dr Dzulkefly berkata, beliau memahami kemashalatan umum terutama yang berkait dengan jururawat, sekali gus memberi jaminan setiap isu akan ditangani sebaiknya dan yakin akan mendapat keputusan muktamad serta tuntas.

"Ketika ini, saya belum mendapat butiran secara spesifik (analisis) dan saya tidak mahu buat persepsi atau *jump the gun*. Sebagai menteri, saya harus bertanggungjawab.

"Kena bersabar walaupun saya juga mahu perkara ini diselesaikan segera," katanya.

Di Kajang, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki tidak menolak kemungkinan menyiasat isu perolehan kain pakaian seragam jururawat bernilai lebih RM98.3 juta itu.

**AKHBAR : NEW STRAITS TIMES**
**MUKA SURAT : 12**
**RUANGAN : NEWS / NATION**

NewSundayTimes . NOVEMBER 17, 2024

12 | NEWS / Nation

OPERATION IN JELUTONG

# RM10 MILLION IN ILLEGAL PRODUCTS SEIZED

## Health Dept, police seize 70,000 boxes of unregistered, unnotified products in 2 raids



*Boxes of unregistered traditional products and unnotified cosmetics that were seized by the Penang Health Department in Jelutong recently.* PIC COURTESY OF PENANG HEALTH DEPARTMENT

GEORGE TOWN

THE state Health Department recently seized 70,000 boxes of unregistered traditional products and 70 boxes of unnotified cosmetics worth RM10.1 million under Op Joint in Jelutong here.

State Health director Datuk Dr Fazilah Shaik Allaudin said the department, through the Penang pharmacy enforcement branch and with the cooperation of police, conducted raids on two premises.

"Based on public information and intelligence gathered, we raided the two premises.

"We found 70,000 boxes of unregistered traditional products and 70 boxes of unnotified cosmetics worth RM10.1 million."

She advised consumers to be cautious and not easily influenced by advertisements or testimonies on websites, social media platforms and e-commerce applications.

"The public can check the validity of the product and cosmetics by visiting the Product Status section at www.npra.gov.my or contacting the National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPRA) at 03-7883 5400.

"You can also download the NPRA Product Status app for free via the Play Store, AppStore and Huawei AppGallery," she said.

Dr Fazilah said the "Tolak Ubat Tidak Sah" (Reject Unauthorised Medicine) campaign, abbreviated as "TOBaTS", was a new initiative by the Pharmacy Enforcement Division of the Health Ministry to combat the illegal supply and sale of medicine.

"The public is encouraged to report or channel information on the sale of unregistered products to www.pharmacy.gov.my, the Public Complaints Management System at moh.spab.gov.my or call 03-7841 3200," she said. Bernama